

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN : 408

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menambah baik sistem pengangkutan awam darat terutamanya di sekitar Lembah Klang apabila projek MRT3 dibatalkan yang mampu memberi manfaat kepada rakyat setempat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rasional pembatalan projek MRT 3 adalah berkaitan dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan bebanan hutang negara yang terhasil daripada perbelanjaan dalam melaksanakan projek-projek mega.

Berdasarkan Laporan Kebolehlaksanaan yang disediakan oleh MRT Corp pada awal tahun 2017, jajaran projek MRT3 adalah sepanjang 40 km dan merupakan *circle line* yang melalui kawasan-kawasan seperti Jalan Duta, Setiawangsa, Pandan Indah, Salak Selatan, Bandar Malaysia dan Kerinchi. Oleh kerana jajaran MRT3 adalah melalui kawasan pusat bandar yang tepu bina dan berkepadatan tinggi, maka hampir 80% daripada jajaran MRT3 adalah terowong bawah tanah (underground). Ini menyumbang kepada kos pembinaan yang sangat mahal iaitu dijangka mencecah RM 50 billion.

Implikasi dari segi kewangan masih di dalam kajian MRT Corp dan jumlahnya akan ditentukan kerana MRT Corp telah menjalankan beberapa aktiviti awalan berkaitan dengan projek MRT 3 seperti melaksanakan kajian fisibiliti, melantik juru perunding untuk reka bentuk rujukan untuk kerja-kerja sivil dan sistem elektrik dan mekanikal keseluruhan, kerja siasatan tanah, menjalankan proses perolehan untuk melantik kontraktor “turn-key” untuk melaksanakan pembinaan MRT 3, dan juga membentuk pasukan kakitangan di MRT Corp untuk tujuan mengurus pembinaan MRT 3.

Kerajaan tidak menafikan bahawa projek MRT 3 akan membawa pelbagai manfaat, tetapi perlaksanaannya harus dikaji semula dari tujuan

mendapatkan hasil yang optimum dari segi “cost-benefit” projek berkenaan memandangkan tahap hutang negara yang sedia ada adalah terlalu tinggi.

Untuk menggalakkan lebih ramai orang mengguna pengangkutan awam dan seterusnya membantu mengurangkan kesesakan jalan raya, kerajaan akan memberi keutamaan kepada perkhidmatan pelbagai jenis bas yang akan dipertingkatkan dari segi kualiti perkhidmatan dan rangkuman. Pada masa ini, mutu perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara maju. Infrastruktur seperti perhentian bas dan terminal bas masih banyak kekurangan dan *software* yang penting seperti peta laluan bas dalam talian dan aplikasi mobile perancang perjalanan (*journey planner*) masih belum dibangunkan sepenuhnya.

Di samping itu, sistem KTM Komuter di Lembah Klang akan ditambah baik menerusi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih struktur landasan keretapi. Pelaksanaan projek ini dijangka siap pada November 2019 menerusi Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik di Lembah Klang sepanjang 42KM daripada Rawang ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu. Kelajuan operasi dan frekuensi perkhidmatan KTM komuter yang ditingkatkan menerusi kualiti landasan yang telah dibaikpulih akan menggalakkan lebih ramai orang awam untuk menggunakan perkhidmatan tren sekaligus mengurangkan kesesakan jalan raya. Kemudahan stesen komuter juga akan dinaiktaraf bagi memberi keselesaan kepada penumpang di 16 buah stesen yang telah dikenalpasti.

Akhirnya, kerajaan juga akan memberi tumpuan bagi kawasan di luar Lembah Klang khususnya di kawasan separa bandar dan luar bandar, Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas akan terus dipastikan supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti serta memberikan keselesaan kepada rakyat. Kerajaan bertekad melaksanakan pembangunan pengangkutan yang lebih seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Penangguhan projek MRT3 memberi peluang kepada kita untuk mengkaji semula *budget priority*, di mana kerajaan akan memberi fokus baru kepada penambahbaikan perkhidmatan bas serta pembangunan infrastruktur bukan sahaja di sekitar Lembah Kelang namun di seluruh Malaysia selaras dengan manifesto kerajaan untuk menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan pengangkutan awam.